



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

**SEMPENA PERASMIAN SAMBUTAN HARI INOVASI
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023**

TARIKH: 1 NOVEMBER 2023 (RABU)

**LOKASI: DEWAN BANKUET, BANGUNAN PERAK DARUL
RIDZUAN**

MASA: 2.40 PETANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera
2030

Bismillahirrohmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin

Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Tuan Mohd Zaki bin Mahyudin

Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Teh Kok Lim

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak
Darul Ridzuan

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Dan Persekutuan

Yang Diraikan Penerima-Penerima Anugerah Inovasi

Seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana atas kebesaran dan keagungan-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan serta diberi kelapangan ruang dan waktu untuk sama-sama berkumpul dalam suasana penuh harmoni sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2023 pada hari ini.
2. Mewakili barisan pimpinan Kerajaan Negeri Perak, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak selaku urusetia program dan seluruh jawatankuasa kerja yang terlibat merancang, menyusun dan menjayakan majlis ini.
3. Untuk makluman semua, penganjuran sambutan Hari Inovasi ini merupakan komitmen dan inisiatif murni Kerajaan Negeri Perak dan agensi-agensi yang terlibat bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti, bukan sahaja dalam kalangan warga kerja, malah manfaatnya juga nanti akan dapat dikongsi bersama rakyat negeri Perak.

Dato'-Dato', Datin-Datin, hadirin yang saya hormati sekalian

4. Pengasas bersama Apple, mendiang Steve Jobs yang cukup dikenali dengan inovasinya hingga menjadikan Apple antara syarikat gergasi komputer di dunia pernah melontarkan ungkapan yang kekal popular sehingga hari ini. Katanya:

“Cara terbaik untuk meramalkan masa depan adalah dengan menciptanya”

Steve Job juga pernah berkata:

“Orang-orang yang menganggap mereka gila untuk mengubah dunia, adalah orang-orang yang melakukannya”

5. Kata-kata Steve Jobs bukan sekadar mengajar kita tentang pentingnya kita mempunyai kemahuan jitu untuk mencapai cita-cita. Beliau mengajar kita untuk sentiasa mencari ruang dan peluang untuk berinovasi serta berkreativiti. Kerana hanya dengan cara itu, kita boleh melakukan perubahan yang jauh lebih baik.
6. Seperkara yang perlu kita fahami, inovasi menjadi semakin penting dalam dunia yang begitu pantas berubah. Inovasi bukan sekadar untuk menyelesaikan masalah, malah cetusan idea yang kreatif dan inovatif mampu secara drastik mengubah kedudukan sosioekonomi sesebuah negara.

7. Bagi kebanyakan negara maju, inovasi menjadi kunci dan indikator untuk melihat sejauh mana mereka boleh kekal bersaing dalam dunia yang sangat kompetitif. Mereka berlumba-lumba untuk mencetuskan idea dan produk yang inovatif. Mereka berlumba-lumba mencari jalan penyelesaian kepada isu serta masalah yang melingkari kehidupan manusia.
8. Maka sikap atau pemikiran sebegini wajar dijadikan contoh dan tauladan. Kita perlu ada keberanian untuk mencuba tanpa perlu terhimpit dengan perasaan takut berdepan kegagalan. Kita perlu ada kepercayaan kepada idea inovasi yang terbentuk di benak fikiran kita, tanpa dibayangi sifat sangsi dan ragu-ragu.
9. Di hadapan saya ini, adalah peserta-peserta yang telah pun bertungkus lumus memerah idea dan kreativiti untuk menghasilkan inovasi sebagai kegunaan pada masa hadapan. Tidak keterlaluan jika saya kata anda semua adalah pengubah masa depan. Anda semua telah melakukan sesuatu yang mengubah perkara yang sukar menjadi mudah.
10. Anda semua menerobos kemungkinan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna dan memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Anda semua mempunyai keyakinan dan keberanian untuk mengubah persekitaran menjadi lebih baik. Tahniah dan syabas saya ucapkan untuk usaha keras yang sudah dilakukan.

11. Saya yakin hasil ciptaan tuan-tuan dan puan-puan pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri. Ada ciptaan yang mampu mempermudah tugas di lapangan, ada ciptaan yang mampu memberikan manfaat secara terus kepada pihak pelanggan, ada juga ciptaan yang mampu membantu menjana sumber ekonomi yang baharu.

12. Segala hasil rekacipta dan inovasi yang dihasilkan oleh anda semua pada hari ini akan memberikan banyak kelebihan dalam memudahkan urusan kerja seharian. Malah, ia juga akan menjadi pemangkin untuk kita lebih kreatif dalam menghasilkan produk yang lebih efisien. Kerana percayalah, inovasi pada hari ini tidak sekadar menjadi kunci kejayaan kepada sesebuah organisasi, malah mampu memberi lonjakan atau anjakan paradigma kepada kemajuan dan kejayaan sesebuah negeri dan negara.

13. Oleh itu, seseorang yang peka kepada persekitaran sama ada dalam lingkungan kehidupan masyarakatnya atau yang lebih global akan dapat menghasilkan inovasi yang lebih baik. Malah, seseorang itu perlulah berfikiran kritis dan konstruktif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif, sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan idea di luar kotak.

Dato'-Dato', Datin-Datin, hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Seperti yang disebut oleh YB Teh Kok Lim sebentar tadi, jika sebelum ini pertandingan inovasi dan kumpulan inovatif dan kreatif peringkat Negeri Perak menyasarkan penyertaan khususnya kepada penjawat awam, namun atas kesedaran pentingnya menyemarakkan budaya inovasi di setiap peringkat masyarakat, Kerajaan Negeri Perak pada tahun ini telah memperkenalkan 4 lagi kategori baru iaitu:
- Anugerah Inovasi Institut Pengajian Tinggi,
 - Anugerah Inovasi Sekolah Menengah,
 - Anugerah Inovasi Sekolah Rendah, dan
 - Anugerah Inovasi Akar Umbi
15. Bak kata pepatah, melentur buluh biar lah dari rebungunya. Kerajaan Negeri sedar bahawa semangat berinovasi ini perlu dititikberatkan seawal di bangku persekolahan. Pemikiran kreatif seharusnya dicambahkan seawal mungkin supaya lebih ramai insan dinamik dan berdaya cipta dapat dilahirkan.
16. Bukan sekadar penambahan dari segi bilangan kategori yang dipertandingkan, malah Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk meningkatkan kadar hadiah kemenangan. Jika sebelum ini, kita menyaksikan johan bagi setiap kategori pertandingan Inovasi membawa pulang wang sebanyak **RM5,000**; naib johan **RM4,000** dan tempat ketiga **RM3,000**, tetapi pada tahun ini nilai hadiah telah dinaikkan sekali ganda.

Tahun ini johan akan membawa pulang **RM10,000**; naib johan **RM8,000**, manakala tempat ketiga akan menerima **RM5,000**.

17. Diharapkan melalui langkah ini, ia mampu memberi lonjakan semangat untuk menarik lebih banyak pihak terutamanya anak-anak muda untuk menyertai pertandingan pada tahun ini dan sekali gus menyemarakkan Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak.
18. Saya dimaklumkan, sejak pagi tadi, Sambutan Hari Inovasi ini telah diisi dengan pameran dan seminar inovasi membabitkan penyertaan 30 jabatan yang menampilkan pelbagai inovasi yang telah dilaksanakan dan dihasilkan oleh para peserta.
19. Mudah-mudahan, penganjuran program-program dan penganugerahan seumpama ini dapat menyuntik semangat dan menzahirkan pembudayaan inovasi dan kumpulan inovatif dan kreatif dalam kalangan tuan-tuan dan puan-puan semua.

Dato'-Dato', Datin-Datin, hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada agensi jabatan yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama antaranya Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc), Lembaga Air Perak (LAP) dan CycleDios Berhad.

Tidak lupa penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa penganjur dan barisan panel penilai yang terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini.

21. Besar harapan saya, supaya penganjuran program sebegini akan memberi dorongan dan motivasi kepada para penjawat awam di negeri ini untuk terus berinovasi dan mencari idea-idea baharu dalam usaha kita untuk menyampaikan perkhidmatan dengan lebih baik kepada rakyat. Insya-Allah.
22. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahirohmannirrohim, sukacitanya melancarkan Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2023.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalaummualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh